

Pahang mohon RM7 juta naik taraf Stadium Darul Makmur

Oleh [Asrol Awang](#) - Ogos 27, 2024 @ 12:28pm
bhsukan@bh.com.my



Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Pahang, Fadzli Mohamad Kamal ketika mengadakan pertemuan dengan Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh di Putrajaya, semalam. – Foto Fadzli Kamal

KUANTAN: Kerajaan Pahang melalui Perbadanan Stadium Darul Makmur (PSDM) memohon peruntukan RM7 juta daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi menaik taraf Stadium Darul Makmur yang berusia 51 tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Pahang, Fadzli Mohamad Kamal berkata peruntukan itu bagi menaik taraf lampu limpah, bumbung dan tempat duduk penonton.

"Bukan sahaja lampu limpah dinaik taraf, malah ia turut membabitkan pendawaian, bumbung stadium yang mengalami kebocoran serta kerusi tempat duduk untuk keselesaan penonton.

"Kami harap permohonan RM7 juta ini dipertimbangkan kerajaan melalui KBS untuk memastikan Stadium Darul Makmur memiliki kemudahan terbaik," katanya.

Semalam, Fadzli mengadakan pertemuan dengan Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh di Putrajaya bagi membincangkan permohonan peruntukan kerja menaik taraf stadium.

Stadium Darul Makmur siap dan dibuka secara rasmi pada tahun 1973 dan mempunyai kapasiti 40,000.